



KENYATAAN MEDIA

RANG UNDANG-UNDANG (RUU) KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 2023 DILULUSKAN OLEH DEWAN NEGARA

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023. Pindaan ini bertujuan untuk memperkasa fungsi Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan aspek pemeliharaan serta pemuliharaan alam sekitar.

Pindaan ini memfokuskan kepada usaha memantapkan dan meningkatkan kadar penalti ke atas kesalahan-kesalahan berkaitan pencemaran alam sekitar.

RUU yang dibentangkan ini adalah untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] buat kali yang ketujuh sejak 1974. Pindaan kali terakhir akta ini dilakukan pada tahun 2012.

Secara spesifik, pindaan ini merangkumi perkara-perkara berikut:

- i. Pemantapan hukuman penalti dengan julat kadar denda minimum tidak kurang daripada RM5,000, denda maksimum tidak melebihi RM10 juta;
- ii. Peningkatan kadar kompaun daripada tidak melebihi RM2,000 kepada tidak melebihi 50% daripada denda maksimum kesalahan berkaitan;
- iii. Pewujudan denda maksimum RM10 juta bagi kesalahan melibatkan pencemaran air, pencemaran buangan minyak serta buangan di perairan Malaysia dan pelupusan haram buangan terjadual;
- iv. Hukuman penjara mandatori tidak melebihi lima (5) tahun ke atas kesalahan melibatkan pelupusan haram buangan terjadual, pencemaran air

dan ketidakpatuhan keperluan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA); dan

v. Pakaian seragam kepada semua pegawai JAS yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah dan setaraf dengan agensi-agensi penguatkuasa yang lain.

Dengan pindaan ini, Kementerian percaya isu-isu pencemaran alam sekitar dapat ditangani dengan lebih cekap dan berkesan. Pindaan ini juga membuktikan komitmen berterusan Kerajaan dalam mengekang dan mengawal isu pencemaran alam sekitar.

Kementerian berharap RUU yang diluluskan ini menjadi satu isyarat yang jelas kepada semua pihak bahawa Kerajaan serius dalam menangani isu-isu pencemaran alam sekitar di Malaysia.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

4 APRIL 2024